



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
INDUSTRI KREATIF & SENI PERSEMBAHAN
SARAWAK

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN TAMBAHAN (PEJABAT CAWANGAN) PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI BAGI SMM2H

SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME



SARAWAK MAJU MAKMUR

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN TAMBAHAN (PEJABAT CAWANGAN)
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI BAGI PROGRAM
SARAWAK MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H)**

1.0 SYARAT PERMOHONAN

- 1.1 Garis Panduan ini adalah rujukan utama dalam pelaksanaan dan pengurusan Program Sarawak-Malaysia My Second Home (SMM2H) bagi Permohonan Lesen Tambahan (Pejabat Cawangan) Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri, tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pelaksanaan adalah berasaskan Watikah Perwakilan Kuasa No. Ruj: MOTAC.600-2/1/60 JILID 5 (4) bertarikh 30 Oktober 2024, yang memberi perwakilan kuasa Pesuruhjaya Pelancongan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) untuk melaksanakan fungsi sebagai wakil Pesuruhjaya Pelancongan. (Selepas ini dirujuk sebagai "Setiausaha Tetap MTCP").

- 1.2 Lesen Ibu Pejabat masih sah sekurang-kurangnya enam puluh (60) hari dari tarikh permohonan.
- 1.3 Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan adalah:
- a) modal berbayar diterbitkan sebanyak minima RM100,000.00; dan
 - b) pemegang saham hendaklah 100% warganegara Malaysia (warga asal Sarawak) atau entiti pemilikan Sarawak.
- 1.4 Syarikat perlu menambah modal berbayar RM50,000.00 bagi setiap cawangan yang dipohon. Sila rujuk Lampiran A.
- 1.5 Syarikat hanya dibenarkan menambah cawangan di lokasi atau kawasan komersial yang mempunyai lesen premis perniagaan yang sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan di seluruh Negeri Sarawak.

- 1.6 Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan), tiada tunggakan pembayaran “award” Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan.

2.0 DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

2.1

- i. Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di Lampiran B
- ii. Lesen Ibu Pejabat
- iii. Maklumat SSM yang terkini; dan
- iv. Arahan Amalan 2/2017 (Pemberitahuan Perubahan Alamat Perniagaan/Cawangan dan/atau Aktiviti Perniagaan)

3.0 TATACARA PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan hendaklah dikemukakan secara fizikal berserta semua dokumen sokongan yang lengkap kepada Unit Pelesenan SMM2H, MTCP sehingga sistem permohonan secara atas talian dikuatkuasakan.

4.0 FI PEMROSESAN

- 4.1 Bayaran fi pemprosesan sebanyak RM50.00 bagi setiap permohonan hendaklah dibuat secara fizikal kepada MTCP melalui bank draf atas nama Pesuruhjaya Pelancongan, MOTAC.

5.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 5.1 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat dan e-mel sehingga sistem permohonan secara atas talian berkuat kuasa.

6.0 SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS

6.1 Bagi permohonan yang telah **DIPERTIMBANGKAN**, pemohon perlu menyediakan premis perniagaan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh surat pemakluman keputusan permohonan mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:

- a) Keluasan premis perniagaan adalah tertakluk kepada mana-mana premis perniagaan yang sah dan memenuhi keperluan serta syarat-syarat untuk permit oleh pihak berkuasa yang berkaitan;
- b) Premis operasi Pejabat Cawangan adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap; dan
- c) Lokasi atau kawasan komersial yang mempunyai lesen premis perniagaan yang sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan di seluruh Negeri Sarawak.

Nota: Surat pemakluman keputusan permohonan yang dikeluarkan adalah terpakai bagi tempoh enam (6) bulan sahaja dari tarikh surat pemakluman. Kegagalan pemohon dalam menyediakan premis serta melengkapkan dokumen sokongan di atas akan menyebabkan permohonan yang telah dipertimbangkan terbatal dan permohonan baharu hendaklah dikemukakan.

6.2 Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis iaitu:

- a) Salinan perjanjian penyewaan premis (Tenancy Agreement) yang ditandatangani oleh pemilik syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa atau salinan Sales & Purchase (S&P) jika premis adalah milik syarikat, surat kebenaran atau sewaan yang dikeluarkan oleh PBT;
- b) Lakaran pelan lantai;
- c) Gambar berwarna bahagian dalam & luar premis;
- d) Lesen Perniagaan (*Trading licence*);
- e) Lesen Operasi (*Operating licence*); dan
- f) Lesen Iklan (*Advertisement licence*).

Mempunyai papan tanda perniagaan bersifat kekal di luar premis (mengikut kesesuaian dan kelulusan PBT).

6.3 Pemeriksaan premis oleh pihak MTCP adalah dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelulusan bersyarat.

6.4 Menjelaskan fi lesen secara fizikal ke MTCP melalui bank draf atas nama Pesuruhjaya Pelancongan, MOTAC setelah menerima pemakluman pemeriksaan premis dan telah memenuhi semua syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

6.5 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:**

Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan lesen dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan.

Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif.

7.0 PERINGATAN

7.1 Setiausaha Tetap MTCP boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuashati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Setiausaha Tetap maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

8.0 FI LESEN

8.1 License fee details are subject to the prevailing provisions.

Bil.	Kategori	Tempoh Lesen	Fi Pembaharuan Lesen	Fi Lesen Tambahan
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri Bagi Program	1 Tahun	RM2,500.00	RM1,500.00
		2 Tahun	RM5,000.00	RM3,000.00
		3 Tahun	RM7,500.00	RM4,500.00

	Sarawak Malaysia My Second Home (SMM2H)	4 Tahun	RM10,000.00	RM6,000.00
		5 Tahun	RM12,500.00	RM7,500.00

PENENTUAN KEPERLUAN MODAL BERBAYAR TAMBAHAN BAGI TUJUAN PEMBUKAAN CAWANGAN BAHARU.

CONTOH 1 1:

Aramaz Miri (SMM2H) Sdn. Bhd. yang beroperasi di Miri (kawasan Majlis Bandaraya Miri) berhasrat untuk membuka satu (1) cawangan baharu. Sehubungan itu, syarikat dikehendaki menambah modal berbayar sebanyak RM50,000.00 bagi setiap cawangan sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Modal Berbayar Semasa (RM) (a)	Modal Berbayar Tambahan yang Diperlukan bagi Satu (1) Cawangan (RM) (b)	Jumlah Keseluruhan Modal Berbayar Semasa (RM) (a+b)
	Bandar	
100,000.00		100,000.00
100,000.00	50,000.00	150,000.00
150,000.00	Tiada Modal Berbayar Tambahan Diperlukan	150,000.00

LAMPIRAN B

Borang BA/2

SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT

Saya, No. Kad
Pengenalan. Jawatan bagi pihak
syarikat (Nama Syarikat),
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bebayar TANPA kelulusan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP) Sarawak;
- c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- d) tiada sebarang tunggakan "*award*" di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- e) tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- f) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja;
- g) hendaklah memastikan semua aduan terhadap syarikat diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh aduan dilaporkan;
- h) hendaklah mematuhi segala peraturan dan kriteria yang ditetapkan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak;
- i) bersetuju bahawa sekiranya berlaku sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kriteria yang ditetapkan, syarikat boleh dikenakan tindakan pembatalan dan/atau penggantungan lesen;
- j) hendaklah tidak terlibat dalam apa-apa bentuk amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam semua urusan berkaitan Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen S-MM2H, bagi melindungi kepentingan Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak serta pihak-pihak berkepentingannya;
- k) hendaklah tidak berpakat atau bersekongkol dengan mana-mana pihak dalam apa-apa cara yang boleh menjejaskan keputusan, ketelusan atau keadilan dalam mana-mana proses S-MM2H;

- l) hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya terdapat sebarang cubaan oleh mana-mana pihak untuk melakukan perbuatan sedemikian. Kami memahami bahawa kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]; dan
- m) memahami bahawa segala maklumat rasmi yang diperoleh sepanjang proses S-MM2H adalah hak milik Kerajaan dan tidak boleh didedahkan, diterbitkan atau disampaikan, sama ada secara lisan atau bertulis, kepada mana-mana pihak dalam apa jua bentuk, kecuali bagi tujuan melaksanakan tugas-tugas rasmi dengan Kerajaan Malaysia.

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh:

Saksi

Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:

Nama :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh:



APPLICATION FOR ADDITIONAL LICENCE (BRANCH OFFICE) UNDER THE SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H) PROGRAMME FOR DOMESTIC TOUR OPERATING BUSINESS

NO.	REQUIRED DOCUMENT	APPLICANT CHECKLIST	REMARKS
1.	Application letter for Additional Licence (Branch Office)	☐	
2.	Letter of Undertaking by Company Director (Form BA/ 2)	☐	
3.	Copy of a valid Head Office Licence	☐	Must remain valid for at least sixty (60) days from application date
4.	Latest SSM Company Information	☐	
5.	Practice Directive 2/2017 (Notification of Change in Business/Branch Address and/or Nature of Business)	☐	
6.	Bank Draft for Processing Fee Payment	☐	RM50.00 payable to the Commissioner of Tourism
7.	Bank Draft for Licence Fee Payment	☐	RM1,500.00 for the first-year licence period. To be submitted upon approval of the application.



APPLICATION FOR ADDITIONAL LICENCE (BRANCH OFFICE) UNDER THE SARAWAK-MALAYSIA MY SECOND HOME (SMM2H) PROGRAMME FOR DOMESTIC TOUR OPERATING BUSINESS

NO.	REQUIRED DOCUMENT	APPLICANT CHECKLIST	REMARKS
1.	Valid tenancy agreement duly stamped and signed; OR Sale & Purchase Agreement (S&P); OR approval/tenancy letter issued by Local Authority (PBT)	☐	
2.	Floor plan layout sketch	☐	
3.	Colour photographs of the interior and exterior of the premises	☐	
4.	Trading Licence	☐	
5.	Operating Licence	☐	
6.	Advertisement Licence	☐	
7.	Permanent business signboard displayed outside the premises	☐	Subject to approval by the Local Authority

*** Premises preparation must be completed within six (6) months from the date of the application decision notification letter issuance.**